



Abdul Adam (kiri) menyampaikan hadiah utama kepada Daniel Low ketika majlis penyampaian hadiah ANIEX 2017 di Kampus UMP, Gambang.

Pelajar tahun akhir UMP terima anugerah AINEX 2017

KUANTAN - Seorang pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya (UM), Daniel Low June Weng menerima anugerah terbaik Pameran Advanced Innovation and Engineering 2017 (AINEX 2017) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Gambang, di sini kelmarin.

Kejayaan tersebut hasil ciptaan alat mengukur perbezaan ketinggian bahu untuk tujuan mengesan penyakit skoliosis atau kecacatan tulang belakang yang diberi nama Scolios2.

Hasil ciptaan dengan bantuan penasihatnya, Ir Dr Lai Khin Wee itu membolehkan dia membawa pulang memberikannya wang tunai RM800, medal dan sijil penyertaan.

Dalam pada itu juga, Kolej Pusat

Pembangunan Kemahiran Pahang (PSDC) dinobatkan tempat pertama bagi kategori kolej dan politeknik manakala kategori sekolah dimenangi Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor.

PSDC menerima wang tunai RM600 berserta medal dan sijil penyertaan manakala pemenang peringkat sekolah itu menerima wang tunai RM400, medal dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) UMP, Prof Madya Dr Abdul Adam Abdullah.

Pameran itu melibatkan 85 penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi, kolej, politeknik, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan seko-

lah menengah.

Sementara itu, Dr Abdul Adam berkata, pameran tersebut bertujuan menjadikan ia satu platform untuk memupuk budaya idea kreatif baharu dalam penghasilan produk berteraskan penjimatan dan mesra alam.

"Melalui pameran ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan usaha pihak kami dalam mewujudkan hubungan yang baik dengan komuniti.

"UMP juga menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi serta berkualiti dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti di kalangan warganya," katanya.